

BERGURU DI INDONESIA

Bruce Irving pendekar Amerika

-1 DEC 1987

S. Harian (M)

PESILAT Amerika Syarikat, Bruce Irving menganggap silat sebagai seni tulen mempertahankan diri yang belum bertukar fungsi seperti beberapa seni lain. *Pendek/Pendek*

Irving adalah antara enam peserta Amerika yang akan bertanding dalam Kejuaraan Silat Sedunia di Stadium Negara, bermula esok.

"Saya mula meminati silat lima tahun lalu. Kerana terlalu minat saya ke Indonesia tiga tahun lalu untuk mendalami seni mempertahankan diri bangsa Melayu," kata Bruce.

Perkara yang paling menarik mengenai pesilat Amerika ini ialah dia fasih berbahasa Indonesia.

"Selama lima bulan di Indonesia, saya boleh menguasai bahasa ini dengan baik, tetapi jangan cakap terlalu laju," gurau pesilat berusia 24 tahun itu.

Pencak Silat *Mande Muda* dari Indonesia menjadi pegangan saya. Keahlian seni silat ini membuat saya berusaha menguasainya," kata Bruce.

Dia menganggap seni silat sebagai suatu kebudayaan yang perlu dipelajari oleh peminat-peminat budaya.

"Sebelum ini saya langsung tidak berminat

dengan sebarang seni mempertahankan diri yang lain," katanya.

Sementara itu, pesilat wanita tunggal dari negara itu, Barbara Barnes yang membabitkan diri dengan *Mande Muda* sejak setahun lalu itu, berkata dia menyertai kejuaraan ini untuk mencari pengalaman.

"Sebelum ini saya memasuki beberapa perguruan seni mempertahankan diri yang lain seperti *Hungar* (Hawai), *wing chun* (China) dan *kali* (Filipina) dan silat mempunyai ciri-ciri tersendiri dalam cara beladiri," kata Barbara.

Berusia 31 tahun, Barbara menyatakan kebanyakan seni silat dari Asia, terutama dari Asia Tenggara mempunyai keunikan dengan menggunakan cara mempertahankan diri yang halus.

"Saya terpicik dengan cara bersilat, kerana itu saya kini menumpukan sepenuh perhatian kepada silat *Mande Muda*," katanya.

Jurulatih pasukan ini, Herman Suwanda dari Indonesia, kini menetap di Los Angeles memberitahu, pesilat-pesilatnya menyertai kejuaraan ini semata-mata untuk menimba pengalaman.

Kalah atau menang tidak menjadi soal, yang penting adalah pengalaman, ujarnya.

Latihan singkat

-1 DEC 1987

S. Harian (M)

PUNGUTAN dua pingat emas, tiga perak dan lapan gangsa dalam Sukan SEA Jakarta September lalu, membayangkan keupayaan pasukan negara mencatat kejayaan cemerlang dalam Kejuaraan Silat Sedunia di Stadium Negara bermula esok. *Pendek/Pendek*

Pesilat-pesilat negara hanya menjalani latihan pusat tujuh minggu sebelum menyertai Sukan SEA, berbanding pasukan Indonesia yang menjalani latihan seperti itu selama setahun.

Setiausaha Agung Persatuan Silat Kebangsaan (Pesaka), A Rahman Hassan, berkata jika peserta-peserta negara berlatih selama setahun, pencapaian mereka mungkin lebih memberangsangkan.

Menurutnya, selain Indonesia, Brunei Darussalam juga menyediakan tempoh latihan pusat selama setahun untuk melengkapkan pasukannya di bawah awasan jurulatih Indonesia.

"Selain masa latihan yang singkat, kita juga berhadapan dengan masa-

Ramai
jurulatih
Eropah

fasih
berbahasa
Melayu

S. Harian (M)

-2 DEC 1987

KEUPAYAAN beberapa pesilat Eropah yang fasih berbahasa Melayu